

MAJLIS MESYUARAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21
MAJLIS MESYUARAT NEGARA BAGI TAHUN 2025**

**PERINTAH HARIAN
SELASA, 5 OGOS 2025**

PH02/02/2025

9:30 PAGI

1

1. MEMBACA DOA

2. PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

- 1) **[PL155] : Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed** meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan adakah kerajaan mempertimbangkan untuk menyemak semula garis panduan pengagihan zakat kebangsaan agar lebih responsif terhadap keperluan semasa seperti ketidakcukupan makanan, keperluan perubatan, dan keperluan tenaga di kalangan penerima, selaras dengan realiti sosial kontemporari?
- 2) **[PL202] : Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin** meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam transformasi tadbir urus zakat berasaskan struktur organisasi dan budaya kerja baharu sebagai entiti rasmi seperti yang ditubuhkan oleh negara jiran baru-baru ini? Perkara ini dicadangkan sebagai cara untuk mengatasi kelewatan pengagihan, kekurangan pemantauan data dan penggunaan teknologi terhad dalam pemprosesan, walaupun kutipan zakat 2025 mencecah BND 30 juta.
- 3) **[PL186] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan jika pertimbangan dapat diberikan kebenaran kepada penduduk yang tinggal di kawasan Perumahan Negara dan Perumahan Rakyat Jati untuk menjalankan perusahaan kecil iaitu *cottage industry* sebagai satu usaha menyara diri selepas bersara atau bagi anak-anak muda lepasan sekolah yang belum mendapat pekerjaan dengan garis-garis panduan yang bersesuaian?

-
- 4) **[PL215] : Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan apakah tindakan strategik yang diambil bagi mempercepatkan proses kelulusan dan mengurangkan jumlah permohonan yang tertangguh memandangkan kepentingan Program Perumahan Negara dalam membantu rakyat memiliki rumah sendiri?
- 5) **[PL250] : Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan apakah status terkini *Request for Proposal* (RFP) sistem pengangkutan bas awam? Bilakah isu ini akan dimuktamadkan agar rakyat serta pelancong dapat menikmati sistem perkhidmatan bas awam yang berkualiti, efisien, dan selamat? Sistem pengangkutan bas awam yang berkualiti, efisien dan boleh dipercayai (*reliable*) perlu segera dilaksanakan.
- 6) **[PL272] : Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan apakah perkembangan terbaru dalam memperbaiki sistem pengangkutan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, sama ada melalui kebenaran pengambilan penumpang oleh Dart di balai ketibaan atau pengintegrasian perkhidmatan teksi ke dalam platform tersebut, bagi memastikan pilihan pengangkutan yang lebih mudah, mampu milik dan inklusif untuk pelancong serta orang awam?
- 7) **[PL203] : Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin** meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk menjamin ketelusan pemohon dan penerima bantuan SKN bagi memastikan keberkesanan inisiatif yang dapat mengeluarkan mereka dari kepompong kemiskinan? Apakah usaha bagi menaiktaraf SKN mengikut keperluan semasa bagi memastikan keberkesanan, keadilan dan kelestarian sistem yang berterusan.
- 8) **[PL195] : Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam** meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan dengan 3.2% rakyat di bawah garis kemiskinan, adakah perancangan Kementerian untuk membina sistem pemprofilan isi rumah bersepadu dan melaksanakan pengkategorian sosio-ekonomi secara sistematik, seperti yang diamalkan di negara-negara jiran untuk mempercepat bantuan bersasar, meningkatkan pemantauan dan ketelusan serta kecekapan penyampaian, untuk mencapai kemiskinan sifar dan kesejahteraan inklusif yang mampan di negara ini.

-
- 9) **[PL253] : Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan** meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan apakah usaha dan perancangan jangka panjang pihak-pihak berkenaan untuk mengatasi masalah sewaan tertunggak dalam penyewaan rumah sewa bagi golongan tertentu? Adakah ada perancangan bagi mewujudkan skim bantuan rumah sewa yang dibina di bawah kapasiti pihak kerajaan?
- 10) **[PL263] : Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann** meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan apakah keberkesanan sistem SKN (JUZWAB)? Sehingga kini masih lagi banyak permohonan orang awam masih lagi tidak mendapat jawapan kelulusan. Dicadangkan adanya sesi terbuka bersama pemohon yang ingin mengetahui apa keputusan mereka dengan pihak JUZWAB mengikut daerah/mukim-mukim.
- 11) **[PL222] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan adakah ABCi, selaku autoriti pengawal selia kemajuan, berfungsi dan menguatkuasakan dalam memastikan kontraktor berkenaan mematuhi peraturan-peraturan yang termaktub di bawah *Building Control Order* (2014) khususnya seksyen 15? Perkara ini memandangkan terdapat aduan orang ramai kepada ABCi mengenai kegagalan kontraktor untuk mematuhi pelan yang diluluskan; menyebabkan ketidakpuasan hati hasil kerja serta risiko kepada bangunan.
- 12) **[PL175] : Yang Berhormat Awang Lau How Teck** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan apakah rancangan komprehensif Kementerian dalam menyemak semula sistem pengurusan kemudahan awam secara berpusat (*centralised public facility management*) dan pintar, khususnya dalam menangani isu penyelenggaraan jalan, longkang dan bangunan yang sering menjadi rungutan pengguna?
- 13) **[PL257] : Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub** meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengadakan kaedah atas talian seperti sistem kaedah pungutan zakat melalui bayaran terus dan secara atas talian (*online*) mendapat sambutan setiap tahun? Apakah usaha dan perancangan bagi memperluaskan kaedah ini kepada orang ramai?

-
- 14) **[PL158] : Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin** meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam mengekalkan dan melestarikan keindahan Kampung Ayer yang dulunya menjadi kebanggaan negara dengan keunikannya dan sering dikunjungi oleh pembesar-pembesar serta pelancong-pelancong luar negara memandangkan keadaan rumah-rumah yang sudah usang dan terbiar?
- 15) **[PL159] : Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin** meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan adakah Kementerian melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid merancang untuk menyediakan satu platform yang mengongsikan maklumat berkaitan kemudahan-kemudahan yang diperlukan oleh masjid-masjid ? Ini boleh memudahkan dan membantu orang ramai yang ingin menyumbang atau berwakaf disamping mempercepatkan perolehan kemudahan tanpa bergantung kepada kewangan kerajaan sepenuhnya.
- 16) **[PL230] : Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat** meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan adakah mosala wakaf berdekatan Jambatan Kianggeh telah diserahkan secara rasmi kepada kementerian? Apakah langkah penyelenggaraan serta pemantauan berkala yang dilaksanakan bagi memastikan kebersihan, penjagaan dan mengelakkan penyalahgunaan wakaf tersebut?
- 17) **[PL255] : Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan adakah tahap kualiti pembinaan dan pemeliharaan jalan raya dan saliran mengikut dan dinilai berdasarkan garis panduan atau piawaian (standard) di peringkat nasional ataupun antarabangsa? Adakah semua kerja-kerja yang sedia ada mematuhi standard berkenaan, di dalam memantapkan kualiti perkhidmatan yang sempurna?
- 18) **[PL259] : Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kerja Raya untuk menerangi cat garis jalan dan menambah garis jalan di kiri dan kanan bibir jalan kawasan pendalaman terutamanya jalan utama?

-
- 19) **[PL251] : Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin** meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan bolehkah Kementerian meneliti dan mengkaji semula syarat kelayakan skim bantuan SKN secara lebih telus? Ini memandangkan terdapatnya pemohon yang ditolak walaupun gaji mereka tidak mencukupi untuk menampung tanggungan keluarga yang ramai, menimbulkan kebimbangan tentang keadilan semasa proses penilaian bantuan.
- 20) **[PL285] : Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan apakah sebab utama kereta kelas memandu tidak lagi diperkuatkan menggunakan ikon cat / warna hijau putih kerana alasan guna pakai yang merisaukan dari segi keselamatan dan kebersihannya? Adakah pihak JPD merevisi harga kelas memandu kereta *automatic* dengan harga berpatutan kerana lebih digemari golongan perempuan?
- 21) **[PL180] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan berapakah anggaran jumlah pekerjaan yang akan diwujudkan dalam tahun-tahun menjelang Wawasan Brunei 2035 dengan mengambil kira keluaran graduan serta pencari pekerjaan yang semakin bertambah?
- 22) **[PL264] : Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan Jabatan Perkhidmatan Elektrik untuk menambah lampu-lampu jalan (*street light*) di kawasan jalan pendalaman kerana lampu-lampu jalan yang sedia ada cuma di sebahagian tempat saja.
- 23) **[PL164] : Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan** meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan bilakah Dewan Serbaguna di Bengkel Jabatan Bandaran di kawasan Kampong Belimbing boleh digunakan sepenuhnya untuk aktiviti kampung dan sukan seperti lazimnya? Ini memandangkan Dewan ini belum dapat digunakan kerana sebab-sebab tertentu.

-
- 24) **[PL174] : Yang Berhormat Awang Lau How Teck** meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan bagaimanakah pendekatan Kementerian dalam mengenal pasti dan memanfaatkan tapak atau bangunan yang tidak diusahakan, termasuk tapak dan bangunan wakaf yang berpotensi dikembangkan untuk manfaat komuniti atau sebagai infrastruktur awam?
- 25) **[PL161] : Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan adakah perancangan untuk menangani keadaan lalulintas yang amat merbahaya, khususnya sekitar Lebuhraya Muara-Tutong iaitu di *U-Turn* untuk menuju ke Sekolah Vokasional Tanah Jambu?
- 26) **[PL212] : Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin** meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk mempermudah proses kelulusan pensijilan halal agar ia tidak mengambil masa yang panjang kerana memandangkan masa itu adalah emas? Terdapat sungutan dari pengusaha-pengusaha berkaitan dengan kelambatan pengeluaran sijil Halal (ada yang lebih 1 tahun), yang telah menjejaskan proses operasi perniagaan mereka.
- 27) **[PL261] : Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan adakah Kementerian membenarkan penduduk kampung untuk berjaja makanan atau minuman serta kraftangan di kawasan tersebut menggunakan kem secara sementara untuk menambahkan lagi perekonomian penduduk kampung, memandangkan peningkatan kehadiran pelancong terutamanya di kawasan Luagan Lalak, Mukim Labi, Daerah Belait?
- 28) **[PL245] : Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan apakah langkah Kementerian memastikan pembaikan telus dan berkualiti oleh kontraktor bagi isu kualiti rumah Perumahan Negara Kg Lugu Fasa 1 & 2? Berapakah statistik aduan dan rumah yang sudah siap dibaiki sepenuhnya?

- 29) **[PL287] : Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan adakah pihak Kementerian Pembangunan akan meneruskan rancangan pembinaan jalan raya dari Kampong Kuala Balai ke Mukim Labi yang pernah dibangkitkan di dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara sebelum ini? Apakah status terkini mengenai pelaksanaannya?
- 30) **[PL265] : Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diterokai untuk menangani situasi di mana pembayaran kerajaan kepada pembekal ditangguhkan, terutamanya dengan mekanisme seperti caj faedah sederhana atau Ta'widh yang boleh mengukuhkan akauntabiliti di kedua-dua belah pihak? Ini adalah sebagai usaha untuk mengekalkan kepercayaan dan kecekapan dalam perolehan awam.

3. KENYATAAN MENTERI

Kenyataan Menteri - Kemampanan Perkhidmatan Kesihatan akan dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, Menteri Kesihatan.

4. USUL BILANGAN No. 1

USUL WAWASAN BRUNEI 2035 [SAMBUNGAN]

***"MENJUNJUNG** titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa perjalanan menuju Wawasan Brunei 2035 memerlukan kerjasama, inovasi dan semangat juang yang tinggi dari semua pihak. Dewan ini perlu meneliti cadangan dan idea yang dikemukakan dengan mengambil kira emerging issues di peringkat global, untuk diambil tindakan oleh pihak-pihak berkepentingan mengikut kesesuaiannya.*

***MENYEDARI** bahawa Wawasan Brunei 2035 diterbitkan melalui Badan Perencana Kemajuan Jangka Panjang pada tahun 2004 bagi merancang pembangunan negara dalam tempoh 30 tahun ke hadapan. Hanya tinggal 10 tahun bagi merealisasikan Wawasan Brunei 2035.*

MEMPERAKUI bahawa usaha-usaha mengukuhkan pelaksanaan strategik dan pelan-pelan tindakan menjurus kepada mencapai Matlamat-Matlamat Utama Wawasan dijalankan melalui Manpower Blueprint bagi Matlamat Pertama yang diterajui oleh Kementerian Pendidikan dan Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan (MPTMP); Social Blueprint bagi Matlamat Kedua yang diterajui oleh Jabatan Perdana Menteri dan Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS); dan Economic Blueprint bagi Matlamat Ketiga yang diterajui oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

MEMAHAMI bahawa keadaan dunia sangat sukar diramal dan negara juga tidak terkecuali dari menghadapi kesan-kesan global seperti konflik geopolitik dan situasi ekonomi tidak menentu. Kesan ini mencabar pelaksanaan Wawasan Brunei.

BAHAWA dalam memastikan Negara Brunei Darussalam akan merealisasikan Wawasan Brunei 2035, Majlis ini mengusulkan bagi tindakan dan sokongan bersepadu digagaskan dengan pendekatan senegara bagi merealisasikan matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035.”

5. PERTANYAAN BAGI JAWAB BERTULIS

- 1) **[PT092] : Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin** meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk menggabungkan kurikulum tradisional dengan kemahiran profesional berteraskan Syariah bagi memastikan graduan UNISSA dan KUPUSB berdaya saing dalam ekonomi halal, kewangan islam dan tadbir urus digital selaras dengan Wawasan 2035?
- 2) **[PT043] : Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perbezaan kadar capaian perkhidmatan kesihatan asas seperti pemeriksaan NCD, rawatan susulan, dan kesihatan mental antara kawasan bandar dan luar bandar dalam tempoh lima tahun kebelakangan, dan apakah intervensi khusus yang sedang dirancang untuk merapatkan jurang perkhidmatan ini?

-
- 3) **[PT064] : Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan memandangkan keperluan mendesak jururawat dan risiko kehilangan bakat tempatan tanpa strategi retensi yang berkesan, apakah inisiatif Kementerian Kesihatan untuk menarik serta mengekalkan penyertaan belia tempatan dalam bidang kejururawatan? Adakah kementerian akan mempertimbangkan pendekatan inovatif seperti penempatan kerja sambil belajar di luar negara sebagai strategi memperkukuh kemahiran, meningkatkan tarikan kerjaya, dan membina jaringan profesional yang mampan?
- 4) **[PT068] : Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian Kesihatan mempunyai data jumlah pembayaran rawatan luar negara setahun dan apakah polisi penghantaran pesakit ke luar negara? Adakah Kementerian akan memulakan pelan rawatan kritikal dalam negara untuk mengurangkan kos dalam jangka panjang?
- 5) **[PT085] : Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah statistik warga penduduk tetap kad warna ungu yang mengambil kesempatan atas perkhidmatan perubatan percuma sebelum ini? Mengapakah caj perkhidmatan dikenakan juga kepada yang sudah lama berkahwin dan menyumbang kepada ekonomi negara, bukannya hanya kepada mereka yang memanipulasi sistem?
- 6) **[PT065] : Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan bagaimanakah DARE dapat menilai impak sebenar inisiatif *Bruneian Made Shelf* terhadap pertumbuhan dan kelestarian *Micro, Small, and Medium Enterprises* (MSMEs)? Ini memandangkan tiada sistem pemantauan yang jelas. Adakah DARE bercadang mewajibkan penyertaan semua pasar raya dan melaksanakan mekanisme penilaian impak secara menyeluruh?
- 7) **[PT073] : Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan adakah DARE mempunyai penanda aras atau KPI bagi menilai keberkesanan program pembangunan perusahaan tempatan dalam menyokong pemelbagaian ekonomi negara selaras dengan Wawasan Brunei 2035 dan Aspirasi Ketiga *Brunei Economic Blueprint*?

-
- 8) **[PT076] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan apakah perencanaan strategi dan pelan tindakan dari aspek fiskal dan dasar monetari untuk memperluaskan skop pendapatan negara dalam menangani isu dan cabaran defisit fiskal yang dialami, tanpa membebankan golongan berpendapatan rendah dan kurang berkemampuan?
- 9) **[PT081] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan apakah program yang telah dan akan dilaksanakan oleh Darussalam Assets bagi meningkatkan penyertaan serta daya saing perniagaan tempatan, termasuk PMKS, kerana terdapat banyak sektor yang dikuasai perniagaan asing seperti runcit dan pembinaan? Adakah perancangan untuk mengurangkan kos serta meningkatkan keupayaan pengurusan dan kemahiran mereka?
- 10) **[PT082] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan apakah terdapat program khusus yang disediakan bagi memperbaiki prestasi dan kemahiran syarikat tempatan agar dapat bersaing dengan syarikat asing, terutamanya dari segi teknologi, pengurusan dan *capacity-building*? Ini memandangkan wujudnya persepsi 'ketidakmampuan' terhadap syarikat tempatan walaupun ada yang berprestasi baik?
- 11) **[PT093] : Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan apakah contoh *success story* PKS Brunei yang telah memanfaatkan perjanjian perdagangan bebas (*FTA*) untuk akses pasaran lebih luas? Bagaimanakah MOFE merancang mempergiat fasilitasi eksport serta rangkaian dagang antarabangsa bagi memacu pertumbuhan ekonomi selaras Wawasan Brunei 2035?